

## Apresiasi Karya 'Folk Art' Zahir Yusof dalam Persekitaran Sosial Masyarakat Masa Kini

*Appreciation of the 'Folk Art' by Zahir Yusof Outer Environment  
Social Community Today*

**Baharudin Bin Shamsuddin**  
**Aziz Bin Zalay @ Zali**  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
shamsuddinbaharudin795@gmail.com

### Abstrak

Kertas kerja ini dibuat bertujuan untuk menjelaskan apresiasi sebenar dalam melihat seni folk karya En. Zahir Yusof dari sudut interdisiplin. Penjelasan ini bermula dengan pengenalan pastian intraestetik karya iaitu bentuk, imej dan simbol dalam karya tersebut. Ini seterusnya membawa kepada melihat pengaruh karya tersebut terhadap institusi sosial. Pengaruh yang dimaksudkan adalah persekitaran, perilaku, keperluan serta nilai dalam seni 'folk art' Zahir Yusof sebagai satu unsur apresiasi ekstraestetik. Satu bentuk 'folk art' telah dianalisa berdasarkan konsep tema tertentu iaitu 'decoupage'. Nilai kepercayaan mewujudkan identiti Zahir Yusof yang tersendiri terhadap gaya dan olahan idea yang dihasilkan. Penjelasan apresiasi 'folk art' Zahir Yusof ini memberi makna dalam aspek rupa bentuk, imej dan simbol serta meninggalkan pengaruh positif terhadap institusi sosial masyarakat pada masa kini.

**Kata kunci** apresiasi, 'folk art', persekitaran sosial, masyarakat

### Abstract

*This paper is intended to explain the real appreciation of folk art in view of Mr. Zahir Yusof from an interdisciplinary angle. This description begins with the identification of the work of intraesthetic forms, images and symbols in these works. This in turn leads to the effect of the work of social institutions. The effect in question is the environment, behavior, needs and values in art of 'folk art' Zahir Yusof as an element of extraesthetic appreciation. A form of 'folk art' has been analyzed on the basis of specific themes, namely decoupage. The belief creates its own identity against Zahir Yusof style and refined ideas generated. Explanation of appreciation in 'folk art' Zahir Yusof gives meaning in terms of shape, images and symbols as well as leaving a positive influence on social institutions of society nowadays.*

**Keywords** appreciation, 'folk art', social environment, public

## PENGENALAN

Folk art merupakan seni rakyat yang banyak diamalkan oleh masyarakat desa di negara barat dan sangat popular di seluruh dunia sehingga sekarang. Holger Cahill (Director of Museum of Modern Art, Amerika) dalam Delacruz, (1999) mendefinisikan *folk art* sebagai ekspresi oleh orang biasa, dihasilkan oleh mereka untuk kegunaan dan hiburan sendiri. Ciri-ciri seni *folk art* ini ialah ia dihasilkan oleh individu yang bukan berlatar belakangkan seni dan tidak mempunyai pengetahuan formal seni. Ia juga merupakan seni rakyat yang mempunyai ciri bertindih dengan *naïve art*, *Art Nove*, *primitive art* dan *self-thought* (Simone, 1999). *Folk art* bukanlah satu gaya seni, sebaliknya ia merupakan satu pergerakan seni yang berasal dari Eropah. Pergerakan ini bermula daripada cetusan protes segolongan artis dan pengikut mereka yang bangkit daripada revolusi industri di Eropah pada sekitar hujung abad ke-18 dan awal abad ke-19. Kumpulan artisan ini berjuang untuk mempertahankan pendirian mereka bahawa seni memberi kesan kepada masyarakat di mana cara hidup seseorang serta persekitaran pekerjaan mencorak karektor individu (Wendy Kaplan, 1998). Dengan pengenalan penggunaan mesin dalam pengeluaran produk, nilai masyarakat boleh terhakis kerana

mesin tidak dapat menggantikan manusia dalam hal pembentukan peribadi manusia. Produk atau alatan gunaan yang dihasilkan melalui tangan membuka persekitaran yang baik dalam memberi ruang dan peluang untuk menghargai produk tersebut. Dalam industri, pihak pengeluar produk iaitu kilang mempunyai akses yang terhad kepada pengguna produk mereka, dan ini tidak membolehkan mereka melihat reaksi pengguna. Dengan kata lain, kurangnya komunikasi antara pembuat dan pengguna menyebabkan mutu produk dari segi rekaan dan penghargaan boleh merosot. Di Amerika Syarikat, *folk art* lebih dikenali sebagai *Tole Painting* ataupun *Country Painting*. Selain dari itu, *folk art* juga sangat popular dengan pelbagai nama berbeza mengikut negara tertentu seperti di Jerman yang dikenali sebagai *Bauernmalerei*, di Rusia sebagai *Zhostovo*, di Belanda sebagai *Hinderloopen*, di Norway sebagai *Rosmaling* dan di England sebagai *Canalboat* manakala di Malaysia sendiri ialah Batik (Zahir Yusof, 2011). Seni *folk art* sebenarnya telah mendapat tempat yang sangat istimewa di kalangan masyarakat negara maju sehinggakan ianya telah menjadi satu cara hidup dan budaya mereka dalam kehidupan seharian. Seni ini berfungsi untuk menyerlah atau menonjolkan lagi kecantikan barangan peribadi yang selalu digunakan seperti barangan hiasan dalaman rumah iaitu objek-objek di dapur, ruang tamu mahupun taman. Reka bentuk objek tersebut mengalami perubahan dari segi kegunaan dan juga kesenian yang juga akhirnya mengangkat nilai objek tersebut.

*Folk Art* di Malaysia diakui sememangnya telah lama wujud, cuma dalam ketidaksedaran membuatkan masyarakat tidak dapat melihat apakah ia dan kepentingannya kepada diri sendiri, keluarga serta masyarakat sekeliling. Dalam erti kata lain, penghargaan atau apresiasi terhadap keindahan seni itu sendiri seakan tiada. Ini adalah lantaran daripada anggapan bahawa seni itu adalah satu bidang yang tiada kepentingannya sesuai dengan pandangan oleh Anwar Ridhwan, (2015) Pengarah Kanan Fakulti Penulisan Kreatif Aswara yang menyatakan;

Di negara kita, pendidikan seni dan budaya belum dianggap sebagai sesuatu bidang yang penting. Pada hal, nilai industri kreatif negara ini yang berasaskan seni dan budaya mencecah puluhan billion ringgit setahun.

Begitu banyak dan pelbagai faedah serta nilai baik yang ditawarkan melalui aktiviti kesenian *folk art* ini. Segalanya adalah tidak bermakna seandainya masyarakat dalam sesuatu komuniti itu tidak dapat melihat faedah dan kebaikan tersebut. Untuk tujuan itulah terlebih dahulu masyarakat perlu mempunyai sifat menghargai hasilan sebuah karya. Sifat menghargai ini wujud lantaran daripada cara apresiasi dibuat terhadap sesebuah karya. Justeru itu jugalah peranan apresiasi tidak boleh diabaikan dalam sesuatu hasilan karya. Nah! Disinilah permasalahan besar ingin diketengahkan iaitu apresiasi sebenar dalam melihat *folk art*. Menurut Zakaria Ali (1989) dalam (Mohd Johari, 2006) apresiasi seni adalah satu latihan yang memerlukan penglibatan sepenuhnya deria pandang dan sentuh. Objek seni berupa catan dan cetakan dipandang manakala objek berupa arca dan binaan disentuh. Bagi seni *folk art* ini kedua dua deria digunakan iaitu catannya dipandang serta objeknya disentuh. Seni *folk art* telah mendapat pengiktirafan sewajarnya apabila dari sudut budayanya, ia telah diiktiraf sebagai salah satu daripada pembangunan dalam seni visual. Ini bertepatan dengan pandangan Wang (2010): Dari perspektif budaya visual, setiap keping karya seni adalah dilihat sama rata di mana seni rakyat (*folk art*) kini telah berkembang sebagai salah satu ciri pembangunan dalam bidang seni visual.

### **Apresiasi Seni Folk Art**

Menyentuh soal apresiasi ini, didapati kebanyakan apresiasi seni di Malaysia khasnya masih lagi terikat dan terkongkong dengan corak apresiasi konvensional yang telah ketinggalan dan tidak relevan lagi penggunaannya untuk diguna pakai dalam konteks seni pascamoden sekarang. Bertepatan dengan pandangan Abdul Halim Husain (2014) berdasarkan kepada aliran perkembangan dunia sekarang yang ke arah pemikiran pasca moden, di mana semuanya menuntut agar sesuatu disiplin ilmu itu boleh berdiri dengan sendiri dalam konteks penjelasan yang relevan. Maka pendekatan interdisiplin menjadi pendekatan yang sesuai dalam usaha melihat penyelidikan berkembang dalam konteks semasa. Apresiasi seni dalam konteks pascamoden ini

adalah satu pengkajian melibatkan hubungan rapat antara seni dan pelbagai disiplin lain termasuklah sejarah, antropologi, kajian sosial serta sains.

### **Kepentingan Folk Art**

*Folk Art* telah menjadi platform penting dalam membantu meningkatkan kesedaran tentang fungsi seni. Ia bukanlah hanya dilihat sebagai satu dekorasi semata mata (Simone Alter Muri, 2007). Apresiasi seni *folk art* penting dalam pembinaan masyarakat yang bertanggungjawab dari segi identiti, pemikiran serta perlakuan. Menurut (Wang, 2010), Pendidikan *folk art* adalah satu bentuk seni berharga dan memberi kesan kepada pendidikan. Ia amat berguna untuk guru dan pelajar, dan tidak ternilai untuk pendidikan guru. Juga, *folk art* meluaskan titik budaya pandangan pelajar dan menguatkan lagi nilai sensitivity kemanusiaan mereka. "

Sebuah artikel *A Folkloric Approach to studying Folk Art: Benefits for Cultural Awareness* yang dikarang oleh (Congdon, 1984) menjelaskan resipi keindahan *folk art* adalah datang daripada interaksi dinamik di kalangan manusia dalam konteks persembahan tradisi. Pengkajian tentang *folk art* adalah lengkap meliputi bidang kepercayaan, perilaku serta nilai dan dimensi ini memberi gerakan seni *folk art* ini konteks serta memperkayakan maknanya. Pengkajian tentang folk art telah berubah daripada berorientasikan karya kepada lebih menekankan kepada perilaku manusia. Terdapat 7 faedah di dalam seni *folk art*:

- i. *Learning to value all people and their art*: membawa maksud kefahaman mendalam terhadap pembuatan karya 'folk art' untuk membantu seseorang itu memikirkan tentang simbol serta nilainya yang secara tidak langsung juga mendidik sikap toleransi dan menghargai orang lain.
- ii. *Reducing limiting stereotype*: Semua individu di dalam sesuatu kumpulan artis 'folk' adalah tidak sama. Ketidaksamaan ini membawa kepada hasil karya yang juga berbeza dan pelbagai. Ini dapat menunjukkan bahawa setiap individu itu adalah unik.
- iii. *Responding to art as functioning beings*: bermaksud seni *folk art* ini menyatukan individu di dalam sesuatu kelompok kumpulan serta menyerlahkan identiti individu.
- iv. *Viewing connection and expanding interest relating to other disciplines*: Membawa makna bahawa disamping melihat karya seni, 'folk art' juga memberi ruang seseorang itu mendalami sejarah dan budaya yang elemen dan cirinya ditonjolkan melalui karya itu sendiri.
- v. *Studying art which is relevant to students*: Dengan melihat seni *folk art* melalui alatan harian yang terdapat di sekeliling, seseorang itu dengan mudahnya memahami bagaimana seni ini membantu membentuk persekitaran baik serta bagaimana seni ini berkomunikasi dengan mereka.
- vi. *Encouraging democratic participation in the art*: Melalui *folk art*, persepsi buruk berkenaan seni dapat dihapuskan seperti tanggapan tentang seni adalah sesuatu yang terpisah daripada kehidupan harian dan pengalaman estetika hanya boleh dilihat di muzium.
- vii. *Expanding the notion of creativity*: Aktiviti kreatif dapat diperbanyakkan melalui penciptaan yang pelbagai dan berterusan serta dapat diguna pakai (Congdon, 1984).

### **Folk Art Zahir Yusof**

Zahir Yusof, anak kelahiran Johor merupakan graduan komputer sains daripada Amerika Syarikat. Latar belakang beliau yang merupakan bekas jururunding IT tidak menghalang beliau untuk menceburi bidang seni *folk art* ini. Minat serta keterlibatan serius dalam dunia seni *folk art* yang sangat lama iaitu melebihi 16 tahun dan melakukannya secara konsisten telah membawa kepada pembukaan kedai beliau sendiri yang bertempat di Amcorp Mall, Petaling Jaya yang diberi nama Creative Cottage. Pemilihan beliau sebagai artis yang mempopularkan seni folk art ini adalah bertepatan dengan usaha beliau menjadikan *folk art* ini sebagai satu kerjaya tetap dan memberi pengorbanan serta komitmen sepenuhnya di dalam usaha pengembangan seni *folk art* dalam kalangan masyarakat.

Pengkajian akan memberi fokus kepada salah satu daripada bentuk *folk art* Zahir Yusof iaitu *decoupage*. Kebiasaannya motif segar seperti bunga-bunga, buah-buahan, landskap Inggeris, haiwan dan

pelbagai motif lain sering diterapkan dalam hasil seni *folk art* Zahir ini. Malah apa yang lebih menarik tentang karya beliau ialah lakarannya tidak terbatas di atas medium kertas lukisan atau kanvas seperti kebiasaannya. Seni *folk art* beliau diterjemahkan melalui pelbagai medium, umpamanya dipermukaan kayu, getah, kaca, kertas, tin, plastik, besi dan sebagainya. Bahan cat utama digunakan adalah cat akrilik kalis air, cat akrilik pelembab, sealer, varnish dan pelbagai bahan lain yang terdiri dari jenama Jo Sonja serta DecoArt Americana. Alatannya pula adalah pelbagai jenis berus seperti berus leper, bulat, berus sudut, berus liner berus Filbert dan banyak lagi.



**Gambar 1** Zahir Yusof



**Gambar 2** Karya hasilan Zahir Yusof

## Decoupage

Decoupage adalah seni unik dalam menghias objek dengan teknik potongan dan tampalan kertas berwarna ke dalam kombinasi kesan cat khas, daun emas dan sebagainya. Objek seperti kotak kecil atau sebuah perabot seperti kerusi ditampal dengan kertas imejan atau majalah yang berimej. Ia memerlukan lapisan varnish untuk menyembunyikan kesan guntingan kertas tersebut dan kadangkala ia memerlukan 30 hingga 40 kali lapisan serta diratakan dengan kertas pasir halus untuk melicinkan lagi permukaan. (Zahir Yusof, 2009).




**Gambar 3** Pinggan Ros

Dapat dideskripsikan dalam rajah 3, pinggan ros berbentuk bulat ini dilihat sebagai satu objek yang biasa terdapat di semua kediaman, tidak ada yang luar biasa pada pinggan itu kecuali sekadar berfungsi sebagai tempat hidangan makanan. Ianya diperbuat daripada kaca yang mudah pecah dan tidak bernilai. Walau bagaimanapun, tanggapan sebegitu berubah sama sekali lantaran daripada usaha kerja tangan pengkarya seni *folk art*. Fungsi pinggan untuk meletak makanan berubah apabila diberi nafas baru dengan menaikkan kembali serinya melalui olahan seni rupa. Dengan gabungan sedikit elemen serta prinsip seni yang menjadi bahasa kepada visual mata, objek pinggan ini bertukar wajah dan fungsinya.




Gambar 4 Potongan




Gambar 5 Tampalan

Karya pinggan ros ini mengaplikasikan teknik yang amat unik iaitu potong (gambar 4) dan kemudian tampal (gambar 5) pada permukaan kaca. Teknik ini menekankan koordinasi mata dan tangan dalam menyesuaikan keseimbangan objek dan imej yang ditampal. Ketelitian dalam memotong dan menampal menuntut si pembuat atau pengkarya mempunyai sikap kesabaran yang tinggi dan tertib. Ini lebih lagi apabila melibatkan kerja pengulangan melakar jalinan di tepi pinggan tersebut. Nilai estetika yang dititikberatkan dalam perancangan sebelum, semasa dan selepas penghasilan karya ini dijadikan satu didikan tatacara atau disiplin diri yang harus diikuti. Ini secara tidak langsung dapat membentuk perilaku peribadi yang baik bagi seseorang individu. Perilaku manusia dilihat sebagai elemen utama dan ini menjadi fungsi yang lebih baik di mana *folk art* berkomunikasi dengan nilai, perilaku dan kepercayaan melebihi seni lain (Congdon, 1984).

Manusia merupakan makhluk tuhan yang berbudaya serta mempunyai nilai penting dalam mencorak ketamadunan, kemajuan serta perubahan dari segala bidang. Menurut Abd Rahim Abd Rashid (2001), nilai boleh dikelaskan kepada pelbagai jenis berdasarkan kriteria seperti nilai murni, moral, etika, kerohanian, budaya, ekonomi, personal, politik dan estetika. Nilai estetika boleh dianalisa melalui proses serta teknik yang diketahui. Simbol dikenalpasti sebagai ringkasan (*simplified*) dari objek daun. Penggunaan elemen titik dan nilai garisan digunakan dalam menyatakan secara visual usaha ringkasan tersebut.



**Gambar 6** Stroke



**Gambar 7** Garisan

Gabungan prinsip variasi dalam elemen garisan pada objek dikesan melalui penggunaan garisan serta titik tebal dan nipis yang ditampakkan pada sekeliling pinggan daripada penggunaan *brush stroke* dalam rajah 6 secara sedar menonjolkan nilai garisannya. Nilai garisan tidak diungkap dengan kata kata, ironinya ianya direalisasikan dengan tindakan deria visual yang mengaktifkan pemikiran. Itulah simbol yang tersembunyi dalam seni pinggan ros ini. 'Comma Stroke' yang digunakan melambangkan luahan rasa. Semakin kurang lengkukkan garisan comma tersebut menunjukkan semakin tenang perasan. Apatah lagi apabila ianya dibuat pengulangan disepanjang tepi objek pinggan tersebut. Ini berpadanan dengan tulisan (Rosalind ragans, 2005) yang menyatakan:

*Because curved lines chane direction, they express activity. How much activity they express depends on the type and direction of the curve. The less active the curve, the calmer the feeling.*

Garisan yang menggunakan warna *warm white* dapat menonjolkan karektor corak yang dihasilkan, memandangkan ianya kontra dengan warna latar objek yang berwarna jingga gelap.



**Gambar 8** Jalinan & Warna

Setiap permukaan objek pasti memaparkan nilai terang dan gelap. Dari nilai terang gelap inilah seterusnya kita boleh membuat penilaian tentang jalinan pada permukaan sesuatu objek. Jalinan tampak yang terhasil daripada penggunaan warna cecair menghasilkan satu visual yang sangat menarik. Kelopak bunga ros merah di tengah serta beberapa helai daun hijau yang tampak diberi penegasan apabila diperhalusi lakarannya. Nilai warna dimanipulasi sebaik mungkin dengan penggunaan gabungan warna asas merah biru dan hijau sengaja ditampilkan dengan olahan halus dan kasar untuk mencipta kesan ruang dimensi jarak jauh dan dekat.



Nilai warna merupakan elemen seni yang menonjolkan bahagian tergelap dan tercerah dalam warna, dengan kadar banding penggunaan warna panas (bunga rose) dan sejuk seperti hijau (daun), ia meninggalkan kesan ilusi yang dalam. Warna merah ros yang panas kelihatan paling dominan dimata pemerhati manakala warna hijau daun pula sebaliknya kelihatan menjauh dan terpisah.

Menurut Sophia S.M Law (2010), walaupun estetika dan nilai instrinsik seni adalah aspek terpenting dalam seni apresiasi, dari sudut interdisiplinnya seni juga akan memperkayakan pengalaman pelajar terhadap seni apresiasi yang boleh membantu meningkatkan nilai serta minat untuk perkembangan intelektual, emosi serta pembangunan sosial mereka. Sinonim dengan itu juga, selain dari segi pembentukan perilaku yang baik seperti mana diterangkan pada awal tadi, apresiasi seni *folk art* ini juga didapati dapat memberi impak positif kepada persekitaran masyarakat. Bagi Zahir Yusof, seni *folk art* ini bukan sahaja mengenai penghasilan karya yang cantik semata mata, bahkan beliau percaya secara nilai ianya juga dari sudut kesihatan mental merupakan *art therapy* di mana matlamatnya adalah untuk membantu orang kurang bernasib baik seperti pesakit kanser serta orang kurang upaya (OKU). Melalui seni *folk art*, golongan ini boleh berkomunikasi untuk meluahkan apa sahaja dalam pemikiran serta perasaan yang tidak mampu diluahkan dengan kata kata (Ridzwan A.Rahim, 2007).

Kelebihan terbesar bagi seni *folk art* adalah terletak pada salah satu cirinya yang boleh dilakukan oleh semua orang tanpa mengira umur, jantina mahupun gender selagi individu itu mempunyai minat. Atas tiket inilah, keperluan ahli masyarakat sekeliling boleh dipenuhi. Golongan suri rumah sepenuh masa iaitu wanita yang mempunyai masa terluang berada di rumah amat sesuai memenuhi masa lapang mereka itu dengan melibatkan diri dalam membuat karya seni 'folk art' ini dengan menjadikannya sebagai hobi. Objek seni *folk art* yang telah dikaryakan boleh dijadikan untuk kegunaan perhiasan rumah sendiri mahupun dijadikan satu pendapatan sampingan dengan menjualnya secara dalam talian untuk meningkatkan ekonomi keluarga. Di samping itu juga, aktiviti seni *folk art* ini juga sesuai untuk warga emas yang bakal atau telah berpenecen. Individu yang bakal menamatkan dunia kerjaya boleh berkecimpung dalam seni ini sebagai persediaan apabila tidak bekerja nanti. Secara ringkasnya, keperluan semua golongan adalah tidak terbatas untuk dipenuhi dalam dunia seni *folk art* ini selagi ianya diminati.

## KESIMPULAN

Analisa daripada bentuk decoupage seni 'folk art' Zahir Yusof mendapati imej dan simbol yang dijadikan perlambangan adalah unsur unsur semulajadi seperti pemandangan, bunga-bunga dan daun-daunan. Simbol dan imej ini diadaptasikan dipermukaan media guna semula iaitu pinggan. Dapat dipersembahkan dengan penggunaan pinggan yang pada awalnya hanya dilihat sebagai objek tidak bermakna telah ditransformasikan menjadi objek yang indah dan mempunyai fungsi baru. Nilai sejarah dan nostalgia yang terdapat dalam objek disatukan dengan nilai sentuhan moden berjaya mengekalkan estetika sebagai satu warisan seni rakyat. Apresiasi seni yang dilihat secara interdisiplin dikritik menggunakan teori Edmund Burke Feldman berjaya membongkar rahsia melihat seni 'folk art' Zahir Yusof dari segi Intraestetik manakala secara extraestetiknya pengalaman apresiasi 'folk art' dikaitkan pula dengan unsur-unsur sosial masyarakat terkini. Kedua-dua apresiasi ini telah membentuk pengetahuan baru. Dalam erti kata yang lebih luas, ia melibatkan perubahan paradigma, perasaan dan komunikasi. Pengetahuan baru ini diharap dapat meningkatkan kefahaman berkenaan cara melihat seni *folk art* sekali gus meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan *folk art* khasnya dan seni itu sendiri amnya.

## RUJUKAN

- Abd Rahim Abd Rashid. (2001). *Perubahan paradigma nilai* (1st ed.). Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn Bhd.
- Abdul Halim Husain. (2014). *Kajian seni dalam pendekatan interdidiplin. Seni Pendidikan dan Kebudayaan*. Tanjong Malim: Penerbitan Malim Sarjana.

- Anwar Ridhwan. (2015). Kelas seni, budaya dihadiri karyawan berkesan. *Berita Harian*, p. 29.
- Congdon, K. G. (1984). A folkloric approach to studying folk art: Benefits for cultural awareness. *Journal of Multi-Cultural and Cross-Cultural Research in Art Education; Proquest Research Library*, 2(1), 5.
- Delacruz, E. M. (1999). Folk art as communal culture and art proper. *Art Education*, 52(4), 23.
- Mohd Johari, A. H. (2006). Peranan kritikan seni terhadap perkembangan seni tampak di Malaysia. In *Menanggapi Keberkesanan dan Perubahan* (pp. 1–20). Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris. Retrieved from <http://pustaka2.upsi.edu.my/eprints/410/>
- Ridzwan A.Rahim. (2007, May 10). Art therapy Zahir. *New Strait Times*.
- Rosalind Ragans. (2005). *Arttalk* (4th ed.). Glencoe/McGraw-Hill.
- Simone, A. M. (1999). Folk art and outsider art: Acknowledging social justice issues in art education. *Art Education*, 52(4), 36–41.
- Simone Alter Muri. (2007). Beyond the face: Art therapy and self-portraiture. *Arts in Psychotherapy*, 34(4), 331–339. <http://doi.org/10.1016/j.aip.2007.05.002>
- Sophia S.M Law. (2010). An interdisciplinary approach to art appreciation. *New Horizons in Education*, 58(2), 93–103.
- Wang, C.-Y. (2010). The integration of folk art into the art curricula with implications for teacher education. *International Journal of Organizational Innovation*, 3(1), 116–126. Retrieved from <http://search.ebscohost.com/login.aspx?direct=true&db=buh&AN=59220330&site=ehost-live>
- Wendy Kaplan. (1998). Encyclopedia of arts & crafts a visual reference to the arts movement 1850-1920. In Wendy Kaplan (Ed.), (pp. 1–18). London: Quantum Publishing.
- Zahir Yusof. (2009). *Dekorasi seni lukis & decoupage untuk hiasan dapur*. (N. Wahidon, Ed.). Shah Alam: Buku Prima Sdn Bhd.
- Zahir Yusof. (2011). *Dekorasi seni lukis mesra alam*. Kuala Lumpur: Grup Buku Karangraf.